

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan Haji Ahmad Nazlan Bin Idrin  
[ Jerantut ]**

**TARIKH : 4 JULAI 2013**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang lebih tegas diambil kepada pengusaha-pengusaha sumber asli yang membawa pencemaran sungai-sungai negara ini.

## **INPUT JAS UNTUK DISELARASKAN OLEH BPASPI**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 pada tahun 2012, Jabatan Alam Sekitar telah diberi kuasa tambahan untuk mengambil tindakan yang lebih tegas kepada pihak yang menyebabkan pencemaran termasuk pencemaran sungai.

Kuasa tambahan ini meliputi kuasa untuk mengeluarkan Perintah Larangan atau Perintah Berhenti Kerja ke atas aktiviti-aktiviti yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 (EIA), yang menjalankan kerja-kerja tanpa kelulusan EIA atau tidak mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA.

Pemakaian Peruntukan Perintah Larangan atau Perintah Berhenti Kerja ini terpakai juga kepada pengusaha-pengusaha sumber asli seperti pembalakan yang meliputi kawasan seluas 500 hektar, pengorekan pasir melibatkan kawasan seluas 50 hektar atau lebih, aktiviti kuari di dalam lingkungan 3 kilometer dari kawasan kediaman, perniagaan atau perindustrian dan pembukaan tanah pertanian melebihi 500 hektar serta lain-lain aktiviti yang tertakluk di bawah Perintah EIA.

Selain itu, penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar juga dimantapkan lagi dengan penambahan Seksyen 37C Akta Kualiti Alam Sekeliling Pindaan 2012 dengan pemberian kuasa untuk menangkap pesalah-pesalah alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh

Nama : Nor Hayati Bin Yahaya  
Jawatan : Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penguatkuasa  
No. Telefon Bimbit : 012-2058402

Disemak oleh

Nama : Dr. Zulkifli Bin Abdul Rahman  
Jawatan : Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
No. Telefon Bimbit : 019-3827137

Diluluskan oleh

Nama : Dato' Halimah Binti Hasan  
Jawatan : Ketua Pengarah  
No. Telefon Bimbit : 019-2107900

